

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/JLD 12 (9)

KENYATAAN AKHBAR

MBPJ BANTU SYABAS MENANGANI ISU AIR AKIBAT PAIP PECAH

PETALING JAYA 17 Februari - Susulan daripada paip milik Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) yang pecah ketika kerja-kerja pembinaan projek laluan Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) yang sedang dilaksanakan di Persiaran Surian berdekatan pusat membeli-belah di The Curve telah menyebabkan berlaku gangguan bekalan air di beberapa lokasi di Petaling jaya.

Kawasan yang terjejas ialah Seksyen 11, 12, 13, 14, 19, 20, 21, SS1, SS2, SS3, SS4, SS5, SS6, SS7, SS8, Zon Perindustrian Bebas, SS9, SS9A, Sungai Penchala, Kampung Kayu Ara, Universiti Malaya dan Setiapuspa (Wilayah Kuala Lumpur).

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah bertindak membantu penduduk Petaling Jaya yang terjejas akibat daripada kejadian tersebut dengan menempatkan tangki statik untuk kegunaan penduduk sehingga bekalan kembali pulih.

Majlis telah menyediakan sebanyak 12 unit tangki statik dan 5 buah lori tangki di kawasan-kawasan yang terjejas iaitu Sek. 19/7, Sek. 21/22, Sek. 21/28, Sek. 21/4, Sek. 20/9, Sek. 20/8, Sek. 20/12, Sek. 20/13, Sek. 20/2, SS 4D/6, SS 4C/20, SS 5C/20, SS 5C/11, Flora Damansara dan SS 22/45.

Sehubungan dengan itu, Majlis juga telah membuka bilik gerakan menangani isu air dan orang ramai di Petaling Jaya boleh menghubungi talian *hotline* 03-79542020 atau e-melkan kepada aduan@mbpj.gov.my.

MBPJ menasihatkan orang ramai supaya berjimat dengan penggunaan air bagi mengatasi masalah ketidaaan air daripada berlarutan.

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Bertarikh: 17 Februari 2014